

'Turun gambar pemimpin sebagai anti-nasional'

Oleh JOHARI MOHD

JOHOR BAHRU, Sabtu — Pergerakan Pemuda Umno Johor hari ini mensifatkan perbuatan menurunkan gambar-gambar pucuk pimpinan negara dan bendera Malaysia di negeri ini sebagai tindakan anti-nasional.

Ketuanya, Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin menjelaskan, perbuatan itu bertujuan memecahbelahkan perpaduan rakyat, di samping mempersendakan maruah pucuk pimpinan.

Bendera Malaysia tidak dikibarkan di daerah Muar, Segamat dan Kluang sempena lawatan Sultan Johor ke situ baru-baru ini. Gambar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Musa Hitam yang biasanya menghiasi pejabat-pejabat kerajaan turut diturunkan ketika baginda Sultan melawat Segamat dulu.

Bagaimanapun, tinjauan *Berita Minggu* mendapati banyak bangunan kerajaan tetap mengibarkan bendera Malaysia ketika Sultan Johor melawat tiga daerah itu.

Haji Muhyiddin memberitahu, perbuatan menurunkan gambar-gambar pemimpin dan arahan jangan kibarkan bendera Malaysia sepatutnya tidak berlaku di negeri ini.

Bellau berkata, Pergerakan Pemuda Umno Johor akan menemui Menteri Besar merangkap Timbalan Ketua Umno Johor bagi membincangkan dua isu itu.

Menurutnya, sambutan rakyat Johor terhadap pucuk pimpinan di Batu Pahat, 8 Disember lalu adalah satu bukti rakyat Johor berdiri teguh di belakang pucuk pimpinan negara.

Bellau menjelaskan, keputusan mengutuk perbuatan itu dicapai dalam mesyuarat khas di sini selepas majlis perasmian konvensyen ekonomi Pemuda Umno.

Katanya, siasatan menunjukkan memang benar gambar Datuk Seri Dr Mahathir dan Datuk Musa diturunkan, tapi Pemuda Umno difahamkan tidak ada arahan mengenainya dikeluarkan.

"Kita tahu golongan yang menjadi dalang dan setiap Pergerakan Pemuda Umno bahagian diminta mengawasi tindak-tanduk liar golongan ini.

"Kita tidak teragak-agak bertindak tegas jika golongan ini meneruskan kegiatan liar mereka," jelasnya.